



PROSEDUR HALAL ṬAYYIB DALAM PEMILIHAN BARANG JUALAN DI SABASUN HYPERRUNCIT SDN BHD

Maaruf Hamid, Anas Mohd Yunus, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Najihah Abd Wahid & Khiral Anuar Daud*
anas@unisza.edu.my

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Kampus Gong Badak, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Terengganu

ABSTRAK

Pensyariatan halal ṭayyib banyak kali dinyatakan di dalam al-quran. Orang-orang beriman disyariatkan Allah SWT supaya mengambil sesuatu barangan yang halal ṭayyib sama ada dari sudut luaran dan dalaman sesuatu barangan di samping mengajar untuk sentiasa mengutamakan makanan yang baik dan bermutu tinggi dan manfaatnya bagi memperoleh keberkatan Allah SWT. Ini kerana halal ṭayyib hanya diteliti dari sudut zat luaran sesuatu barangan sahaja. Makalah ini membahaskan berkaitan prosedur halal ṭayyib dalam pemilihan barang jualan yang dilakukan oleh pihak Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd. Metodologi yang digunakan dalam menjalankan makalah ini adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual dan analisis kandungan daripada buku, kitab-kitab dan artikel. Rumusannya, Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd akan menilai barang jualan terlebih dahulu dengan dianggotai seramai 14 panel yang pakar bagi memastikan barang jualan memenuhi segala kriteria yang ditetapkan di samping halal ṭayyib untuk diletakkan dan dijual di premis perniagaannya.

Kata kunci : Prosedur, Halal ṭayyib, Pemilihan barang jualan, Sabasun

1. Pendahuluan

Allah SWT Maha Berkuasa untuk menciptakan setiap sesuatu ciptaan di muka bumi ini kepada manusia untuk dimanfaatkannya dan gunakannya sebagai khalifah di muka bumi dengan terbaik. Seterusnya, Allah SWT telah memerintahkan kepada orang-orang beriman khususnya untuk memakan, mengambil dan menggunakan segala bahan yang halal dan berkualiti iaitu bahan yang mengandungi gizi dan vitamin yang mencukupi. Dua aspek utama perlu dititikberatkan iaitu halal dan baik di samping memelihara kesihatan jasmani dan kecergasannya, juga akan semakin mendorong meningkatkan kualiti takwa dan syukur kepada Allah SWT. Hal ini dengan jelas disebut di dalam al-quran, firman Allah SWT :

Maksudnya : *“Wahai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar hanya kepada-Nya kamu menyembah.”*
(Surah al-Baqarah 2: 172)

Penggunaan bahan yang haram walaupun dilihat daripada luarannya berkualiti dan bergaya tetapi realitinya secara tidak langsung akan melahirkan akhlak yang buruk dan mendorong kemudaratan sama ada bagi dirinya mahupun keluarganya di dunia atau di akhirat nanti. Rasulullah SAW bersabda :

“Jangan membesar daging yang tumbuh daripada barang atau sesuatu yang haram, melainkan neraka lebih berhak baginya.” (Al-Tirmidhī : 614)

Hadith ini menunjukkan bahawa makanan yang haram itu akan melahirkan akhlak dan perbuatan yang jahat sehingga menyebabkan kecelakaan yang bersifat abadi di akhirat nanti iaitu akan dimasukkan ke dalam neraka. Namun, ini tidak bermaksud bahawa Islam meminggirkan aspek kualiti dalam sesebuah barangan kepenggunaan. Malahan, ia menjadi pra syarat penting kepada konsep halal sendiri, seterusnya diperkuatkan dengan perkataan *ṭayyib* itu sendiri. Apatah lagi *ṭayyib* itu pada hakikatnya merupakan manifestasi kepada konsep *“Ihsān dan Itqān”*. Justeru, aspek halal dan haram serta baik dan buruk sesuatu perkara tidak hanya dilihat dari aspek tersendiri (dalaman) sahaja, tetapi meliputi aspek proses penghasilan, tatacara (adab) penggunaan, kandungan dan akibat penggunaan sesebuah barangan juga perlu dinilai dan ditikberatkan. Contohnya, pada peringkat awal iaitu cara mendapatkan makanan atau rezeki yang bersih dan halal mestilah menggunakan cara yang betul, tidak melalui penipuan, menggandakan hutang, menerima rasuah, rompak, kecurian dan cara-cara batil lainnya.

Justeru, penyelidikan ini membahaskan berkaitan konsep halal *ṭayyib* dari sudut kaca mata syariah Islamiyyah dan prosedur pihak Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd dalam pemilihan barang jualan yang menjadikan halal *ṭayyib* sebagai keutamaan.

2. Definisi Halal dan Ṭayyib

Perkataan halal dan ṭayyib banyak dinyatakan di dalam al-Quran. Kata kerja halal dalam bahasa Arab adalah *halla, yahillu, hillan* yang bermaksud sesuatu yang membebaskan, membolehkan, memecahkan, membubarkan dan melepaskan (Muhammad Hisyam Mohamad, 2009). Dari sudut istilah fiqh halal bermaksud suatu pilihan yang diberikan oleh syarak sama ada keinginan untuk melakukannya atau tidak. Dengan kata lain definisi ini adalah sinonim dengan perkataan "*mubāḥ*" (Muhammad al-Tūnjī, 2003 : 273). Lawan istilah *halal* adalah *haram* yang bermaksud tidak dibenarkan atau dilarang. Definisi haram dalam ilmu Usul Fiqh adalah sebagai suatu perkara yang dimestikan syarak untuk meninggalkannya (al-Zuhaylī, 1999 : 131). Perkataan halal dan haram ini sebenarnya termasuk dalam lima hukum taklifi yang asas. Pada asasnya sesuatu hukum halal dan haram akan berlaku perubahan bergantung kepada tempat, masa dan keadaan. Akan tetapi, perubahan hukum halal dan haram bergantung kepada asas-asas ijtihad yang benar lagi kukuh.

Seterusnya, perkataan ṭayyib dari segi bahasa boleh diterjemahkan sebagai suci, baik dan bagus (Zulkifli Mohd Yusoff, Abdul Rashid Ahmad, Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Mustaffa Abdullah, Faisal Ahmad Shah, Mohd Asmadi Yakob, Munirah Abd Razak & Anwar Ridwan Zakaria, 2010 : 332). Lawan perkataan ṭayyib adalah *al-khabīth* yang bermaksud sesuatu yang tidak bagus, jahat, tidak baik, membusuk dan mendatangkan kemudaratan (al-Marbawiy, t.t : 163) sekaligus ia menggambarkan sesuatu yang bersifat buruk, cacat serta tidak suci.

3. Halalan Ṭayyiban Sebagai Suatu Konsep Kepenggunaan

a- Halal dan Haram

Aspek halal dan haram sepatutnya menjadi suatu keutamaan untuk dipertimbangkan dan perlu dititikberatkan dalam diri seseorang Muslim yang beriman dalam segala aspek urusan kehidupannya. Aspek ini sebagai penentu arah bagi setiap perbuatan manusia dalam kehidupan tidak mengira waktu dan tempat. Ia merupakan suatu bentuk pendisiplinan sendiri sebagai umat Islam yang sesuai dan kukuh berpaksikan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT. Fitrah manusia dilahirkan dengan suatu tabiat untuk memerlukan dan mengharapkan kepada sesuatu yang berada di sekelilingnya bagi meneruskan kelangsungan hidup. Jika dipandang dari sudut tauhid, hanya Allah SWT

yang bersifat “*qiyāmuhi bi nafsihi*”¹, manakala makhluk di muka bumi ini adalah bersifat memerlukan kepada unsur lain. Keizinan kepada manusia untuk bersifat pengguna boleh difahami dari sudut perlantikan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Menurut Islam, Allah SWT menciptakan alam adalah bagi menjamin kebahagiaan dan kemakmuran manusia. Namun, dalam Syariat Islam manusia secara prinsipnya dibenarkan untuk menggunakan dan memanfaatkan segala ciptaan alam dengan sebaiknya dengan syarat melalui cara yang betul. Bahkan kesemuanya adalah keperluan dalam kehidupan yang perlu diguna, dipelihara dan dibangunkan dengan baik. Perkara ini sering dinyatakan di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah. Para sarjana Islam telah merumuskan keadaan ini dalam sebuah kaedah Fiqh yang terkenal (al-Sadlān, 1417H : 126) :

الأصل في الأشياء الإباحة

Maksudnya : *Asal pada setiap sesuatu itu adalah diharuskan*

Berdasarkan kaedah ini, dapat diperjelaskan bahawa setiap ciptaan tiada yang haram melainkan sekiranya terdapat nas yang sah daripada Allah SWT dan Rasullullah SAW sama ada di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah yang menyatakan dengan tegas berkaitan pengharamannya. Sekiranya tiada nas yang sah, misalnya kerana terdapat pada sebahagian Hadis yang lemah atau tiada nas yang tegas (*ṣarīḥ*) yang menyatakan berkaitan haram terhadap sesuatu, maka sesuatu itu masih dihukumkan harus iaitu *mubāḥ*. Beberapa perkara yang diharamkan oleh Allah SWT dinyatakan di dalam al-quran seperti pengaharaman riba, makan benda yang haram dan lain-lain lagi, pengharaman terhadap sesuatu itu adalah kerana mempunyai sebab dan hikmat yang mungkin boleh dicapai oleh akal manusia atau sebaliknya.

Oleh itu, sekiranya dipandang dalam konteks pengharaman sesuatu dalam syariat Islam itu sebenarnya agak terbatas kerana ianya hanya dibatasi oleh nas-nas yang *ṣaḥīḥ* dan tegas daripada sumber al-Quran dan al-Sunnah. Sekiranya sesuatu perkara atau benda yang tidak terikat dengan hukum halal dan haram, maka ia kembali kepada hukum asal iaitu halal dan termasuk dalam kategori yang dimaafkan Allah SWT.

¹ Berdiri dengan sendiri. Maksudnya adalah Allah SWT maha Kaya dan Berkuasa tanpa memerlukan kepada yang lain.

Namun, perlu diteliti dan difahami dengan baik keluasan hukum halal dan harus terhadap sesuatu berdasarkan kaedah ini hanyalah bergantung dan terikat kepada hanya perkara yang tertentu, masa tertentu, keadaan tertentu dan suasana tertentu. Dari sudut hujahan lain ia adalah merujuk kepada faktor dalaman atau zat sesuatu perbuatan atau bahan. Akan tetapi, status hukum sesuatu perkara tidak hanya dilihat dari sudut zat atau komponen material sesuatu perkara sahaja. Seharusnya konsep ini perlu dilihat daripada sudut faktor-faktor luaran seperti kaedah atau cara terhasilnya sesuatu benda atau perkara, penghasilannya, penggunaan sesuatu itu berdasarkan tujuan tertentu dan aspek kesan penggunaannya dalam jangka masa pendek mahupun jangka panjang. Realitinya, ia mungkin sesuatu yang suci dan bersih pada zatnya tetapi haram disebabkan faktor luaran yang memengaruhi hukum tersebut. Oleh itu para ahli Usul Fiqh telah membahaskan hukum haram dan telah membahagikan kepada dua bahagian utama :

Pertama : Kemudaratan dan kefasadan yang berlaku berpunca daripada sesuatu perkara itu sendiri (الحرمة لذاته). Pembahagian ini didefinisikan dalam ilmu Usul Fiqh sebagai sesuatu yang diharamkan oleh syarak sejak awal atau pada asalnya kerana sesuatu itu mengandungi kemudaratan yang tidak dapat dipisahkan daripadanya (Zaydān 1997 : 42). Contohnya seperti binatang yang haram iaitu babi, sesuatu yang diharamkan seperti bangkai, perkara yang diharamkan seperti arak, judi, zina dan sebagainya.

Kedua : Kemudaratan dan kefasadan yang pada hakikatnya tidak berpunca daripada faktor dalam sesuatu perkara, bahkan berpunca daripada faktor luar (الحرمة لغيره) (Hassan Ahmad 2002 : 71/72) (al-Zuhaylī, 1986 : 81-82). Dalam ilmu Usul Fiqh الحرمة لغيره didefinisikan sebagai sesuatu yang dibenarkan oleh syarak pada asalnya tetapi diharamkan disebabkan faktor-faktor luaran yang bersangkutan (Zaydān 1997 : 42). Contohnya, pemberian sebilah pisau kepada salah seorang daripada dua pihak yang sedang bergaduh. Biarpun, pemberian pisau pada asalnya adalah digalakkan kepada orang yang sedang berada di dapur. Namun, situasi semasa ketika bergaduh yang menyebabkan pemberian itu dilarang.

Umat Islam secara umumnya biasa memahami dan sentiasa berhati-hati daripada menggunakan barangan atau perkhidmatan yang (الحرمة لذاته) tetapi masih mempunyai

kefahaman yang kabur tentang (الحرمة لغيره). Bahkan konsep (الحرمة لذاته) kadangkala disempitkan penelitiannya pada perkara-perkara yang berunsur najis semata-mata seperti babi dan arak. Justeru, terdapat segelintir manusia yang amat berwaspada dalam persoalan berkaitan kebersihan dan kesucian makanan atau pakaian untuk solat, tetapi dalam pada itu kurang menitikberatkan persoalan berkaitan muamalat dengan produk-produk perbankan dan insuran-insuran berkaitan berunsurkan riba dan terlibat dalam membantu musuh mereka (Anas Mohd Yunus, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Mahani Bin Mohamad, 2010). Ini kerana masih terdapat masyarakat Islam berkaitan aspek halal dan *tayyib* yang masih dipandang remeh dan masih ramai menganggap bahawa halal itu hanya sekadar sekiranya sesebuah barangan itu tidak mengandungi babi atau arak atau hanya bahan yang haram sahaja. Pengharaman akibat faktor luaran pula boleh diperincikan berkemungkinan wujud pada sebelum, semasa atau mungkin selepas perkara ini wujud. Contohnya, faktor sebelum iaitu solat dengan memakai baju curi, faktor semasa iaitu meniatkan atau menggambarkan situasi meminum arak ketika minum air biasa, manakala faktor selepas ialah seperti menjual gam kepada remaja yang sudah jelas dimaklumi ketagihan menghidu gam. Perkara yang haram dan memberi kemudahan adalah dilarang dalam Islam.

b- Tayyib

Selain daripada permasalahan berkaitan halal dan haram aspek kedua yang perlu diberi perhatian dan diambil berat adalah aspek *tayyib*. Perkataan ini tidak hanya digunakan dalam makanan bahkan umum merangkumi pelbagai perkara termasuklah niat di hati, perkataan yang diluahkan, perbuatan yang dilakukan dan pegangan akidah (Ibn Rajab, 2008 : 241). Secara umumnya, konsep disebalik perkataan ini seolah-olah mengisyaratkan kepada suatu piawaian yang tersendiri. Antaranya :

Pertama : Penggunaan perkataan *tayyib* dalam al-Quran dan al-Sunnah sering dikaitkan dengan permasalahan penerimaan sesuatu amalan. Ia amat berkait rapat dengan kemurniaan hati seseorang mukalaf dalam melakukan sesuatu perkara.

Kedua : *Tayyib* sebagai suatu piawaian kualiti kepada barangan yang diambil dan digunakan. Dalam hal ini Ibn Kathir (2004) menyatakan berkata: “Allah SWT memberi keizinan kepada manusia untuk menikmati segala makanan yang ada di

bumi tetapi mesti yang halal lagi baik, tidak membahayakan tubuh dan akal manusia.” Makanan yang baik-baik itu mempunyai dua aspek iaitu baik pada mutunya dan baik kerana halal dimakan.

Justeru, segala makanan yang baik dan berkualiti serta mempunyai mutu yang tinggi secara hakikatnya diketahui oleh manusia amnya selain makanan itu rasanya sedap di samping kandungannya mengandungi vitamin (khasiat). Maka, Islam menyeru manusia supaya mengutamakan makanan yang bermutu tinggi baik dari segi kesopanan mahupun kesihatan dan mempunyai khasiat serta diperakui halal pula dari segi agama. Manusia dilarang sama sekali dalam Islam untuk menggunakan, mengambil dan memakan makanan-makanan yang sangat rendah mutunya serta dihina pula jenisnya lebih-lebih lagi yang menjijikkan di samping tidak diperakui halal. Allah SWT banyak menciptakan dan menyediakan di muka bumi ini makanan-makanan yang baik mutunya dan berkhasiat di muka bumi untuk manusia ambil dan memanfaatkan sebaiknya.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada pengertian istilah mutu atau kualiti yang agak luas, pada hemat dan penelitian penulis ia termasuk keenakan rasa dan bau, kesegaran, khasiat, kesemulajadian, kesucian dan kebersihan, naluri sesuatu kaum atau bangsa, cara pemprosesan, cara hidangan dan cara pembungkusan. Justeru, segala tanggungjawab ini perlu digalas bersama oleh pengeluar (pembekal), peniaga (penjual), pengguna (pembeli) dan badan fardhu kifayah sama ada badan-badan berkanun atau NGO seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri, Persatuan-persatuan Pengguna dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Kerajaan Malaysia telah menggubal undang-undang, enakmen atau akta berkaitan halal antaranya Akta Perihal Perdagangan 2011, Akta Makanan 1983, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 dan lain-lain lagi yang bertujuan bagi memastikan makanan itu halal, selamat digunakan dan terjamin penggunaannya. Penggubalan ini adalah bertujuan bagi memastikan bahawa masyarakat dan para peniaga sentiasa mengutamakan makanan yang halal dan tidak menyalahgunakan logo halal dan sijil halal untuk kepentingan duniawi semata-mata (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2019).

4. Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd

Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd merupakan antara pasaraya yang diuruskan oleh orang Melayu dan beragama Islam. Istilah "SABASUN" adalah hasil daripada gandingan dua sifat manusia iaitu Sabar dan Sungguh-sungguh. Dua sifat tersebut merupakan antara sifat yang penting perlu diterapkan dalam diri manusia apabila menjalankan sesebuah perniagaan. Sabasun Sdn Bhd pada permulaannya telah berdaftar pada 14 Disember 1994 dan telah beroperasi pada peringkat awal pada 2 April 1995 bersamaan 2 Zulqaedah 1415H iaitu pada hari Ahad. Perniagaan Sabasun Sdn Bhd telah ulang tahun penubuhan yang ke-24 pada tahun 2019. Seterusnya, perniagaan Sabasun Sdn Bhd ini diasaskan oleh keluarga Haji Che Ibrahim Haji Abdul Kadir dan Hajah Saleha Mohammad sebagai pengerusi premis perniagaan. Pengarah urusan adalah anak beliau iaitu Che Salmi Haji Che Ibrahim. Manakala, Che Salman Haji Che Ibrahim memegang jawatan sebagai pengarah operasi perniagaan (Sabasun, 2019). Mereka merupakan anak jati kelahiran negeri Terengganu Darul Iman.

Perniagaan runcit Sabasun Sdn Bhd pada awalnya hanyalah dijalankan dalam skala yang kecil dan sederhana. Pada peringkat permulaan penubuhan perniagaan pekerja yang diambil dan dipilih adalah terhad dan dilaporkan hanya lapan orang pekerja sahaja dan terdiri daripada ahli keluarga terdekat. Sabasun Sdn Bhd pada asalnya hanya berkeluasan 4500 kaki persegi dan hanya memiliki dua buah unit kaunter. Kemudian, pada tahun 1997 bilangan pekerja semakin bertambah kepada 100 pekerja selaras dengan kemajuan perniagaan dan pertambahan produk-produk jualan. Oleh itu, disebabkan sifat kesabaran dan kesungguhan yang dimiliki oleh pemilik perniagaan. Pada tahun 2000, perniagaan Sabasun Sdn Bhd berkebang dengan menambah pakerja sebanyak 200 pekerja dan memiliki bangunan sendiri yang bernilai RM 2.4 juta dan keluasan kawasan jualan bertambah kepada 27000 kaki persegi (Anas Mohd Yunus et. al., 2010). Sehubungan itu, perkembangan kemajuan perniagaan memberi peluang kepada Sabasun Sdn Bhd untuk membuka sebanyak empat cawangan perniagaan sehingga tahun 2019 di beberapa daerah di negeri Terengganu.

Seterusnya, visi Sabasun Sdn Bhd adalah menjadi peruncit mukmin yang berdaya tahan dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran global (Sabasun, 2019). Misi yang telah digariskan oleh pihak Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd adalah menjadikan Islam sebagai

paksi dalam pentadbiran, pengurusan, urusan jual beli dan pemilihan produk. Di sini jelas segala pengurusan di Sabasun Sdn Bhd adalah mesti berlandaskan syarat Islam. Seterusnya, mengamalkan budaya pengurusan dengan bersandarkan kepada kebenaran, keadilan dan kemuafakatan. Menjadikan budaya ilmu sebagai teras dalam pembangunan jati diri dan juga jabatan. Memastikan pembaikan berterusan terhadap mutu perkhidmatan, kakitangan dan juga produk. Memupuk serta mewujudkan suasana harmoni antara sesama warga kerja, pembekal dan pelanggan. Akhir sekali, menjadikan Sabasun Sdn Bhd sebagai penjana dakwah dan ekonomi Islam. Berdasarkan misi yang digariskan dapat dinilai bahawa pihak pengurusan Sabasun Sdn Bhd ingin mewujudkan sebuah perniagaan yang berkonsepkan syariat Islam. Manakala, motto perniagaan runcit Sabasun Sdn Bhd adalah "*Harga Murah Sokmo*" atau "*Always Low Price*" (Sabasun, 2019).

5. Prosedur dan Kriteria Barang Jualan di Sabasun Sdn Bhd

Sabasun Sdn Bhd merupakan pasaraya yang sentiasa cakna terhadap barang jualan yang akan diletakkan di premis perniagaannya mana-mana cawangan. Hal ini kerana setiap barang jualan yang akan diletakkan di premis perniagaan mestilah memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Sabasun Sdn Bhd. Beberapa faktor akan diteliti dan dipertimbangkan bagi bahan ramuan halal seperti sumber bahan, keselamatan biologi dan keselamatan kimia. Oleh itu, prosedur terhadap barang jualan terlebih dahulu:

1. Akan disaring dan dinilai seterusnya memiliki kelulusan daripada panel yang berautoriti dan mahir yang dilantik di Sabasun Sdn Bhd.²

Sebanyak 14 panel yang terlibat dalam proses saringan. Panel-panel ini merupakan kakitangan-kakitangan Sabasun Sdn Bhd yang bertugas di bahagian dagangan dan pemilihan panel adalah berdasarkan kemahiran dan kepakaran yang dimiliki berdasarkan kepada latar belakang pengajian seperti bidang teknologi makanan serta memiliki pengalaman dalam membuat penyelidikan seperti kemahiran dalam bahagian pembungkusan, label barang jualan, pakar dalam meneliti kandungan-kandungan barang jualan. JAKIM juga merupakan badan yang dijadikan rujukan.

² Temubual bersama setiausaha pengarah urusan Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd pada 8 Oktober 2019

2. Pemilihan barang jualan halal *tayyib*

Justeru, antara penelitian yang diambil kira untuk disaring adalah memiliki pengiktirafan halal yang sah daripada mana-mana badan Agama yang diiktiraf seperti JAKIM. Pihak JAKIM telah menetapkan beberapa kriteria dan syarat yang perlu dipenuhi serta mengikut prosedur yang ditetapkan bagi memperoleh sijil halal. Antara kriterianya adalah bahan tersebut tidak mengandungi kandungan haiwan diharamkan dan tempat proses bahan bebas daripada kekotoran.

3. Kriteria yang ditetapkan pihak Sabasun Sdn Bhd

- i. Barang jualan tidak mempunyai logo atau lambang yang menyentuh sensitiviti agama Islam dan umat Islam. Hal ini supaya tidak menimbulkan perselisihan atau kerisauan kepada para pengguna.
- ii. Tidak menggunakan gambar tubuh wanita bagi melariskan barang jualan atau berbentuk seolah-oleh tubuh wanita. Hal ini adalah dilarang dalam Islam.
- iii. Barang jualan tidak menggunakan lambang negara pegganas seperti Israel atau Amerika Syarikat atau mana-mana negara yang menindas umat Islam dan mencemarkan agama Islam.
- iv. Bentuk barang jualan tidak menyebabkan kerisauan dan menyinggung sensitiviti masyarakat seperti botol yang menyerupai minuman keras.
- v. Bahan mentah utama akan dijual seperti ayam, daging, akuatik, susu dan lain-lain adalah bahan mentah tersebut bebas daripada masalah penyakit seperti selsema burung dan lain-lain binatang ini mestilah disembelih dengan sempurna dan mengikut syarak.

Berdasarkan kepada prosedur dan kriteria ini, pihak pengurusan Sabasun Sdn Bhd sangat mengambil berat terhadap barang jualan yang diletakkan di premis perniagaan. Sehubungan itu, segala aspek barang jualan yang menyentuh sensitiviti umat Islam sama sekali tidak akan dijual kerana pihak Sabasun Sdn Bhd akan mengutamakan barang jualan yang bebas daripada pengharaman, keraguan dan kemarahan para pelanggan.

Justeru, sekiranya memenuhi kriteria tersebut, maka barang jualan itu akan dijual di premis perniagaan Sabasun Sdn Bhd di mana-mana cawangan di negeri Terengganu. Justeru, berdasarkan prosedur dan kriteria yang menjadi keutamaan oleh pihak Sabasun Sdn Bhd terhadap barang jualan adalah memenuhi konsep halal lagi baik. Berdasarkan temubual bersama pengarah urusan Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd iaitu Che Salmi Bin Che Ibrahim berkaitan persoalan kriteria keutamaan barang jualan yang dijawab yang pertama adalah barang tersebut mestilah halal lagi baik.

6. Kesimpulan

Rumusannya, pihak Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd sangat mengutamakan aspek halal lagi baik dalam membuat pemilihan sesuatu barang jualan yang diletakkan dan dijual di samping jaminan kualiti sesuatu barangan juga menjadi keutamaan. Sekiranya, terdapat masalah berkaitan logo halal lagi baik ini adalah dapat dikenalpasti melalui logo halal JAKIM atau logo halal mana-mana negara yang diiktiraf oleh JAKIM di samping penilaian sesuatu barang jualan yang dilakukan oleh penilai yang pakar dan mahir yang dilantik oleh pihak Sabasun Sdn Bhd yang boleh dipercayai seramai 14 ahli panel. Seterusnya kriteria-kriteria barang jualan mesti diikuti oleh pemilik dan syarikat pengeluar barang jualan.

RUJUKAN

Jurnal

Anas Bin Mohd Yunus, Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik, Mahani Binti Mohamad (2010), *The Concept Of Halalan Tayyiba and Its Application in Products Marketing : A Case Study at Sabasun HyperRuncit Kuala Terengganu, Malaysia*, Jurnal Antarabangsa Perniagaan dan Sains Sosial, vol. 1, no. 3.

Laman Sesawang

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (2019), *Mencari Makanan Halal Lagi Baik Patuhi Syariat*, Khutbah Jumaat pada 18 Januari 2019M, 2 Oktober 2019, lihat <http://www.jheains.sabah.gov.my/index.php/perkhidmatan/khutbah-jumaat?layout=edit&id=129>

Muhammad Hisyam Bin Mohamad (2009), *Tuntutan Halalan Toyyiban Boleh Memperkasakan Ekonomi Ummah*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 4 Oktober 2019, lihat <http://www.ikim.gov.my/index.php/2009/03/20/tuntutan-halalan-toyyiban-boleh-memperkasakan-ekonomi-ummah/>

Sabasun (2019), 2 September 2019, lihat <https://sabasun.com/>

Buku dan kitab

Al-Qur'an Al-Karim

- Al-Zuhaylī, Wahbah (1986), *Usūl al-Fiqh al-Islāmīy wa Adillātuhu*, Damshiq : Dar al-Fikr
- Al-Marbawi, Muhamad bin Idris (1990), *Kamus al-Marbawi*, Kuala Lumpur : Darul Nukman
- Al-Sadlān, Šālih Bin Ghānim (1417H), *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubra wa Mā Tafarra'a 'Anhā*, Al-Riyadh : Dar al-Balansiyyah
- Al-Zuhaylī, Wahbah (1999), *Al-Wajīz Fī Usūl Al-Fiqh*, Lubnān : Dār al-Fikr al-Mu'ašīr
- Al-Bānī, Nāšir al-Dīn (2000), *Šaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, jil. 1, no. 614, al-Riyadh : Maktabah al-Ma'ārif Li al-Nashr wa al-Tauzī'
- Hassan Ahmad dan Muhammad Salleh Ahmad (2002), *Usul Fiqh dan Qawaid Fiqhiyyah*, Kuala Lumpur : Pustaka Abdul Majid
- Harlida Abdul Wahab dan Alias Azhar (2014), *Halalan Tayyiban Dalam Kerangka Perundangan Malaysia*, Jurnal Kanun, Kedah : Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Ibn Kathir (2004), *Tafsir Ibn Kasir*, Juz 2, Bandung : Sinar Baru Algensindo.
- Ibn Rajab (2008), *Jāmi' al-'Ulūm Wa al-Ḥikam Fī Sharḥ Khamsīn Ḥadīthan Min Jawāmi' al-Kalim*, Damshiq : Dār Ibn Kathīr
- Muhamad Al-Tūnjī (2003), *Mu'jam Muštalah Al-Uṣūl*, Beirut : Dār Al-Jīl.
- Muslim, Ibn Hajjaj (2006), *Šaḥīḥ Muslim*, Kitab al-Zakāt, Dar Ṭayibah.
- Sanu, Qutb Mustafa (2000), *Mu'jam Muštalahat Usūl al-Fiqh*, Beirut : Dar al-Fiqh al-Mu'asir
- Zulkifli Mohd Yusoff, Abdul Rashid Ahmad, Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Mustaffa Abdullah, Faisal Ahmad Shah, Mohd Asmadi Yakob, Munirah Abd Razak dan Anwar Ridwan Zakaria (2010), *Kamus Al-Quran*, Selangor : PTS Media Group.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2018), *Syarah Hadis 40 Imam al-Nawawi dan Tatmin al-Kafi*, cetakan kedua, Negeri Sembilan : Pustaka Cahaya Kasturi.
- Zaydān, 'Abd al-Karīm (1997), *Al-Madkhal li Dirāsāt al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, Beirut : Mu'assah al-Risālah